

'ALI BABA JADIKAN STRATEGI'

KUALA LUMPUR, 1982

Selasa — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyarankan supaya syarikat kontraktor kepunyaan 100 peratus Bumiputera diubahsuai untuk mengelakkan diskriminasi pembahagian tender projek-projek besar yang dijalankan oleh sektor swasta.

Ini boleh dilakukan dengan kerjasama kaum-kaum lain dengan cara usahasama termasuk dalam menjayakan projek 'turnkey'.

"Kita telah sampai ke satu tahap supaya perkataan 'Kontrak Bumiputera atau 100 peratus Bumiputera' tidak payah ditulis lagi," katanya.

"Mungkin dengan menulis perkataan serupa itu mudah mendapatkan tender Kerajaan tetapi berapa lamakah kontraktor-kon-

traktor Bumiputera sanggup menjadi demikian. Seolah-olah ia menjadi satu Jabatan yang tidak diiktiraf," tegas Perdana Menteri ketika merasmikan Seminar tiga hari kontraktor-kontraktor Bumiputera di sini.

"Walaupun kerjasama seperti itu boleh menimbulkan Syarikat Ali Baba tetapi selagi kerjasama tidak wujud, diskriminasi tidak dapat dihapuskan," jelasnya.

Bagaimanapun, beliau berkata Syarikat Ali Baba yang dimaksudkan itu boleh dijadikan Syarikat 'Baba Ali'.

"Mungkin dengan cara demikian orang akan mengatakan langkah tersebut hanya merupakan 'hiasan tingkap' semata-mata. Apa yang penting bukan yang dapat dilihat di tingkap tetapi tugas yang mereka jalankan," ujar beliau.

"Sekiranya kita dapat

mencecahkan ibu jari kaki ke bendul, lama kelamaan kita akan dapat masuk ke dalam," tegas Perdana Menteri lagi.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata dalam dunia perniagaan hiasan tingkap merupakan iklan yang amat bermakna.

Kerjasama

Katanya, di bidang profesional lain seperti kejuruteraan dan seni bina, diskriminasi seperti itu telah dapat dihapuskan dengan wujudnya kerjasama.

Ketika melawat bangunan MIC baru-baru ini, Perdana Menteri juga menyarankan agar setiap kaum menjalankan perniagaan secara usahasama bagi mengelakkan diskriminasi pembahagian lesen.

Datuk Seri Dr. Mahathir seterusnya menyeru kontraktor-kontraktor berfikir secara mendalam terhadap diskriminasi yang wujud

dalam memenangi tender-tender sektor swasta.

Katanya, sikap terlalu bergantung kepada Kerajaan adalah kurang sihat. Dalam semua perniagaan mereka mestilah sanggup menempuh setiap cabaran.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata dengan kerjasama di bidang kontrak ini akan membolehkan kaum Bumiputera mempelajari berbagai aspek. Dengan cara ini kredibiliti mereka dalam menjayakan projek besar tidak akan dipersoalkan.

Dalam bidang kontrak ini, kepercayaan adalah penting.

Beliau menasihatkan kontraktor-kontraktor supaya jangan tamak untuk memenangi sesuatu kerja dan mengejar keuntungan semata-mata sedangkan kerjasama mereka tidak sempurna.

Katanya, sekiranya mereka mengulangi kerja-kerja yang tidak sempurna, tidak ada siapa yang akan menerima mereka kemudian hari.

Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan usaha Kerajaan untuk mewujudkan pemborong Bumiputera telah berjaya, bagaimanapun ini tidak bermakna telah mencapai kemajuan.

Katanya, apa yang penting ialah bukan kuantiti tetapi kualiti.

"Walaupun hingga 10,000 kontraktor Bumiputera dapat diwujudkan tetapi gagal, tidak ada maknanya," jelas beliau.

Pilih

Perdana Menteri berkata, kriteria yang patut digunakan ialah penerimaan masyarakat terhadap mereka.

Datuk Seri Dr. Mahathir berharap kredibiliti mereka dapat ditingkatkan dan meyakinkan sektor swasta dalam menjayakan projek-projek mereka.

"Sekiranya tawaran kita jauh lebih murah dan baik, mereka akan mengalami masalah untuk tidak memilih kita," ujarnya lagi.

Perdana Menteri berharap supaya belateng yang menghalang kejayaan ini dihapuskan memandangkan negara kini di peringkat awal mengembangkannya ekonomi di bidang pemborongan.